



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980

DR.24/1980

Naskah sah—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN (AKAUN DAN LAPORAN TAHUNAN) 1980

SUSUNAN FASAL-FASAL

BAHAGIAN I PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II PEMAKAIAN DAN PENTAFSIRAN

3. Peruntukan-peruntukan Akta dipakai bagi semua badan berkanun.
4. Peruntukan-peruntukan Akta menggantikan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan lain yang bercanggah atau tak konsisten.

BAHAGIAN III PENGAUDITAN AKAUN-AKAUN

5. Had masa bagi penyediaan dan pengemukaan penyata akaun kepada Ketua Audit Negara untuk audit.
6. Peruntukan-peruntukan Akta Audit 1957 dipakai.

BAHAGIAN IV PENGEMUKAAN DAN PEMBENTANGAN AKAUN-AKAUN DAN LAPORAN- LAPORAN TAHUNAN

7. Had masa bagi pengemukaan penyata akaun teraudit dll. kepada Menteri.
8. Menteri hendaklah menyebabkan penyata akaun teraudit dll. dibentangkan dalam Parlimen.

BAHAGIAN V PERLANJUTAN HAD MASA

9. Menteri boleh memberi perlanjutan had masa.

RANG UNDANG-UNDANG

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Fasal

10. Peruntukan peralihan.

11. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai had-had masa tertentu berhubung dengan penyediaan dan pengemukaan penyata-penyata akaun untuk audit bagi semua badan berkanun yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan pengauditan akaun-akaun sedemikian itu, penyediaan dan pengemukaan laporan-laporan tahunan tentang aktiviti-aktiviti semua badan berkanun sedemikian itu, mengenai pembentangan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen akan penyata-penyata akaun teraudit dan laporan-laporan tahunan yang sedemikian itu, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 10, dipakai bagi semua badan berkanun mengenai tahun-tahun kewangan yang berakhir pada atau selepas 31hb Disember 1981.

Tajuk ringkas dan pemakaian.

Tafsiran.

2. Dalam Akta ini—

Akta 125.

“badan berkanun” ertinya mana-mana pertubuhan perbadanan, tidak kira dengan nama apa ia dikenali, yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan yang menjadi pihak berkuasa awam atau agensi Kerajaan Malaysia tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan dan pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;

“Menteri”, berhubung dengan sesuatu badan berkanun, ertinya Menteri yang pada sesuatu waktu tertentu adalah bertanggungjawab bagi badan berkanun itu.

BAHAGIAN II

PEMAKAIAN DAN PENTAFSIRAN

Peruntukan-peruntukan Akta dipakai bagi semua badan berkanun.

3. Peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai bagi semua badan berkanun dan hendaklah dibaca bersama-sama dan ditafsirkan sebagai satu dengan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya sesuatu pertubuhan perbadanan diperbadankan.

Peruntukan-peruntukan Akta menggantikan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan lain yang bercanggah atau tak konsisten.

4. (1) Jika sekiranya ada apa-apa percanggahan atau ketidak-konsistenan antara peruntukan-peruntukan Akta ini dengan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya sesuatu pertubuhan perbadanan diperbadankan, maka peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah menggantikan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan yang bercanggah atau tak konsisten itu dan peruntukan-peruntukan yang disebut terkemudian itu hendaklah ditafsirkan sebagai telah digantikan sebagai-mana tersebut.

(2) Peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan yang tidak bercanggah atau tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terus dipakai.

BAHAGIAN III

PENGAUDITAN AKAUN-AKAUN

5. (1) Tiap-tiap badan berkanun hendaklah menyimpan atau hendaklah menyebabkan disimpan akaun-akaun dan lain-lain rekod yang sempurna mengenai perjalanannya mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan, dalam tempoh tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangan itu atau apa-apa tempoh lanjutannya sebagaimana yang diberi di bawah seksyen 9, hendaklah mengemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk audit.

Had masa bagi penyediaan dan pengemukaan penyata akaun kepada Ketua Audit Negara untuk audit.

(2) Ketua Audit Negara hendaklah serta-merta menyebabkan penyata akaun itu diaudit.

6. Peruntukan-peruntukan Akta Audit 1957 hendaklah dipakai bagi pengauditan akaun tiap-tiap badan berkanun.

Peruntukan-peruntukan Akta Audit 1957 dipakai kepada Akta 62.

BAHAGIAN IV

PENGEMUKAAN DAN PEMBENTANGAN AKAUN-AKAUN DAN LAPORAN-LAPORAN TAHUNAN

7. Tiap-tiap badan berkanun hendaklah, bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan dalam tempoh satu bulan selepas penerimaan penyata akaunnya yang teraudit dan laporan Ketua Audit Negara atasnya, jika ada, mengemukakan kepada Menteri bersama-sama dengan laporan tentang aktiviti-aktivitinya.

Had masa bagi pengemukaan penyata akaun teraudit dll. kepada Menteri.

8. Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan setelah menerima penyata akaun teraudit, laporan Ketua Audit Negara atasnya, jika ada, dan laporan tentang aktiviti-aktiviti sesuatu badan berkanun, menyebabkannya dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

Menteri hendaklah menyebabkan penyata akaun teraudit dll. dibentangkan dalam Parlimen.

BAHAGIAN V

PERLANJUTAN HAD MASA

9. (1) Jika sesuatu badan berkanun tidak dapat mengemukakan penyata akaunnya untuk audit dalam tempoh enam bulan selepas berakhirnya tahun kewangan bagi

Menteri boleh memberi perlanjutan had masa.

akaun itu, maka badan berkanun itu hendaklah, sebelum tamatnya had masa itu, memohon secara bertulis kepada Menteri untuk perlanjutannya dan hendaklah juga menyatakan sebab-sebabnya memohon perlanjutan itu.

(2) Jika sesuatu badan berkanun memohon di bawah seksyen-kecil (1) perlanjutan had masa enam bulan itu, Menteri boleh, jika ia berpuas hati dengan sebab-sebab membuat permohonan itu, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi apa-apa perlanjutan had masa sebagaimana yang difikirkannya perlu tetapi perlanjutan itu tidak boleh bagaimanapun melebihi tiga bulan pada agregatnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan badan berkanun itu hendaklah kemudian dari ini mengemukakan penyata akaunnya untuk audit dalam had masa yang dilanjutkan itu.

BAHAGIAN VI

PELBAGAI

Peruntukan
peralihan

10. (1) Jika, pada tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta*, sesuatu badan berkanun belum lagi, bagi mana-mana tahun kewangannya yang berakhir pada atau sebelum 31hb Disember 1980—

- (a) menyebabkan penyata akaunnya diaudit; atau
- (b) menyediakan laporan tahunan tentang aktiviti-aktivitinya,

mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya ia diperbadankan, maka badan berkanun yang sedemikian itu hendaklah, pada atau sebelum 31hb Disember 1981, menyebabkan akaun-akaunnya diaudit dan hendaklah menyediakan laporan tahunan tentang aktiviti-aktivitinya mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan itu.

(2) Peruntukan-peruntukan seksyen 7 dan 8—

- (a) hendaklah kemudian dari itu dipakai bagi penyata akaun teraudit dan laporan tahunan tentang aktiviti-aktiviti yang sedemikian itu; dan
- (b) hendaklah juga dipakai bagi lain-lain penyata akaun dan laporan tahunan tentang aktiviti-aktiviti sesuatu badan berkanun bagi tahun-tahun kewangan yang berakhir pada atau

sebelum 31hb Disember 1980 yang telah diaudit dan disediakan, mengikut mana yang berkenaan, sebelum dari tarikh tersiarnya Akta ini dalam *Warta* tetapi yang belum lagi, pada tarikh tersebut itu, dikemukakan kepada Menteri atau dibentangkan dalam mana-mana satu atau kedua-duanya Majlis Parlimen mengikut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya badan berkanun yang berkenaan itu ditubuhkan.

11. (1) Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan mana-mana peruntukan Akta ini.

Menteri
boleh
membuat
kaedah-
kaedah.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang diberi oleh seksyen-kecil (1), kaedah-kaedah yang sedemikian itu boleh—

(a) membuat peruntukan mengenai kuasa, fungsi, tugas dan tanggungjawab ahli-ahli lembaga pengurus dan pegawai-pegawai serta penjawat-penjawat sesuatu badan berkanun berhubung dengan akaun-akaun dan lain-lain rekod mengenai perjalanan badan berkanun itu; dan

(b) menetapkan garis panduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum, polisi-polisi perakaunan dan lain-lain perkara bersifat perakaunan atau kewangan berhubung dengan akaun-akaun sesuatu badan berkanun.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan mengadakan peruntukan mengenai had-had masa tertentu berhubung dengan penyediaan dan pengemukaan bagi maksud audit penyata-penyata akaun bagi semua badan berkanun yang diperbadankan menurut peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan dan pengauditan akaun sedemikian itu, penyediaan dan pengemukaan laporan-laporan tahunan tentang aktiviti-aktiviti semua badan berkanun sedemikian itu, mengenai pembentangan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen akan penyata akaun teraudit dan laporan tahunan sedemikian itu, dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Bahagian I Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara permulaan. *Fasal 1* menyebutkan cara menamakan Akta yang dicadangkan itu dan membuat peruntukan bahawa ia hendaklah dipakai bagi semua badan berkanun mengenai tahun-tahun kewangan yang berakhir pada atau selepas 31hb Disember 1981. *Fasal 2* mengandungi tafsiran-tafsiran yang perlu bagi "Menteri" dan "badan berkanun". Tafsiran "badan berkanun" itu membuat peruntukan bagi mengecualikan pihak berkuasa tempatan dan syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dari tafsiran tersebut itu.

Bahagian II Rang Undang-undang ini menerangkan setakat mana peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan itu akan dipakai bagi badan-badan berkanun. *Fasal 3* dan *4* menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan dalam Akta yang dicadangkan itu hendaklah dipakai bagi semua badan berkanun dan hendaklah dibaca bersama-sama dan ditafsirkan sebagai satu dengan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya sesuatu badan berkanun diperbadankan dan jika ada percanggahan atau ketidak-konsistenan antara peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan itu dengan peruntukan-peruntukan undang-undang persekutuan yang menurutnya sesuatu badan berkanun diperbadankan, maka peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan itu hendaklah menggantikan peruntukan-peruntukan yang bercanggah atau tak konsisten dalam undang-undang persekutuan itu dan peruntukan-peruntukan yang disebut terkemudian itu hendaklah ditafsirkan sebagai telah digantikan sebagaimana tersebut. *Fasal 4* selanjutnya membuat peruntukan mengekalkan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang persekutuan yang tidak bercanggah atau tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta yang dicadangkan itu.

Bahagian III Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan pengauditan akaun semua badan berkanun. *Fasal 5* mewajibkan tiap-tiap badan berkanun supaya menyediakan penyata bagi akaun-akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan mengemukakan penyata itu, dalam tempoh tiga bulan selepas berakhir tahun kewangan itu, kepada Ketua Audit Negara bagi maksud audit. Ketua Audit Negara hendaklah serta-merta menyebabkan penyata akaun itu diaudit. *Fasal 6* menyatakan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Audit 1957 hendaklah dipakai bagi pengauditan akaun tiap-tiap badan berkanun.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan mengenai pengemukaan kepada Menteri dan pembentangan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen akan penyata akaun teraudit, laporan Ketua Audit Negara atasnya dan laporan tahunan tentang aktiviti-aktiviti tiap-tiap badan berkanun. *Fasal 7* mewajibkan tiap-tiap badan berkanun supaya mengemukakan, bagi tiap-tiap satu tahun kewangan dan dalam tempoh satu bulan dari penerimaan penyata akaunnya yang teraudit dan laporan Ketua Audit Negara atasnya, penyata itu kepada Menteri bersama-sama dengan laporan tentang aktiviti-aktivitinya. *Fasal 8* menetapkan bahawa Menteri hendaklah menyebabkan penyata akaun teraudit, laporan Ketua Audit Negara atasnya dan laporan tentang aktiviti-aktiviti sesuatu badan berkanun dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen.

Bahagian V Rang Undang-undang ini adalah berkenaan dengan perlanjutan had masa tiga bulan yang dinyatakan dalam *fasal 5*. *Fasal 9* memperuntukkan bahawa jika sesuatu badan berkanun tidak dapat mematuhi peruntukan-peruntukan *fasal 5 (1)* dalam had masa yang dinyatakan dalam *fasal* itu, maka badan berkanun itu hendaklah memohon secara bertulis kepada Menteri untuk melanjutkan had masa itu dengan menyatakan sebab-sebab memohon perlanjutan itu dan berikutan dengan itu Menteri, jika ia berpuas hati bahawa badan berkanun itu tidak dapat mematuhi peruntukan-peruntukan *fasal 5 (1)* dalam had masa yang dinyatakan dalam *fasal* itu, boleh, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi apa-apa perlanjutan sebagaimana difikirkan perlu. Bagaimanapun, permohonan lanjutan had masa itu hendaklah dibuat sebelum tamatnya had masa itu dan perlanjutan yang diberi tidak boleh melebihi tiga bulan jumlah kesemuanya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

Bahagian VI Rang Undang-undang ini mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara pelbagai. *Fasal 10* mengandungi peruntukan-peruntukan peralihan yang mewajibkan badan-badan berkanun menyiapkan pengauditan akaun-akaun yang belum diaudit dan menyediakan laporan-laporan tahunan yang belum sedia pada atau sebelum 31hb Disember 1981. *Fasal 11* membolehkan Menteri membuat kaedah-kaedah bagi maksud yang dinyatakan dalam *fasal* itu.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini. [PN. (U²) 992.]